

# AL-HIKMAH

---

<b>Jilid</b>	<b>11</b>	<b>ISSN 1985-6822</b>	<b>2019</b>
<b>No.</b>	<b>2</b>		<b>1441</b>

---

- PROGRAM DAKWAH DALAM MEMANTAPKAN AKIDAH REMAJA OLEH INSTITUT PEMANTAPAN DAN PERKADERAN AKIDAH MALAYSIA (IPHAM)....3-19  
*Nor Azizah Mustapha, Fariza Md Sham, Ahmad Irdha Mokhtar*
- KEPENTINGAN ASPEK PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN DALAM DAKWAH TERHADAP MASYARAKAT ORANG ASLI.....20-36  
*Ismail Naim Abdullah, Abdul Ghafar Don*
- SENARIO PENDIDIKAN ISLAM DAN HALA TUJUNYA DALAM SISTEM PENDIDIKAN MALAYSIA.....37-53  
*Zainab Ismail, Wan Ibrahim Wan Ahmad, Salasih Hanin Hamjah, Rosmawati Mohamad Rasit, Hasanah Abd. Khafidz, Muhamad Faisal Ashaari*
- PERSEDIAAN KUALITI DIRI SISWA GURU PENDIDIKAN ISLAM MELALUI KONSEP 5 MIM DALAM PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF DI SEKOLAH.....54-67  
*Norliza Nor Hashim, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Ahmad Irdha Mokhtar.*
- PENDEKATAN DAKWAH JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH (JHEAINS) TERHADAP BANDUAN DI PENJARA SANDAKAN....68-87  
*Saifulazry Mokhtar, Kasoma Thia, Habibah Artini Ramlie*
- TAHAP KEPUASAN MUALLAF TERHADAP PENGURUSAN KELAS BIMBINGAN AGAMA ISLAM KELANTAN (MAIK).....88-98  
*Yasmoon Mohamed, Razaleigh Muhamat @ Kawangit*

## Senario Pendidikan Islam dan Hala Tujunya dalam Sistem Pendidikan Malaysia

The Scenario of Islamic Education and Its Directions in Malaysian  
Education System

ZAINAB ISMAIL  
WAN IBRAHIM WAN AHMAD  
SALASIAH HANIN HAMJAH  
ROSMAWATI MOHAMAD RASIT  
HASANAH ABD. KHAFIDZ  
MUHAMAD FAISAL ASHAARI

### ABSTRAK

Peningkatan permintaan masyarakat Muslim untuk menempatkan anak mereka di sekolah agama telah menyebabkan Kementerian Pendidikan Malaysia memperkenalkan program pendaftaran Sekolah Agama Negeri (SAN) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) serta mewujudkan Kelas Aliran Agama (KAA) di sekolah menengah kebangsaan. Masyarakat Muslim menyakini Pendidikan Islam mempunyai keupayaan untuk membangun anak-anak secara menyeluruh, merangkumi dimensi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Bagaimanapun, hingga kini, setiap sekolah dikehendaki melaporkan bilangan pelajar yang terlibat dalam kes salah laku yang merangkumi kes ringan seperti kelewatan hadir ke sekolah hingga kes serius seperti jenayah. Oleh itu, makalah ini merupakan kajian konsep yang bertujuan untuk mengkaji hala tuju Pendidikan Islam dalam sistem pendidikan Malaysia. Kajian ini meninjau literatur berkaitan sejarah Pendidikan Islam dalam sistem pendidikan Malaysia dan hala tujunya dalam tempoh 2013-2025. Data yang diperolehi dalam kajian ini dianalisis menggunakan pendekatan tematik. Hasil kajian menunjukkan hala tuju Pendidikan Islam dalam sistem pendidikan Malaysia adalah untuk membangunkan generasi yang berpegang kuat nilai-nilai dan kepercayaan agama walaupun mereka berada dalam masyarakat pelbagai budaya. Untuk mencapai hala tuju Pendidikan Islam, guru-guru dan ibu bapa perlu memainkan peranan utama sebagai pendidik di sekolah dan di rumah.

**Kata Kunci:** *Pendidikan Islam, Hala Tuju Pendidikan Islam, Sistem Pendidikan Malaysia, Sekolah Agama, Masyarakat Pelbagai Budaya*

## ABSTRACT

The increasing demands of Muslim society to place their children at religious school have affected the Ministry of Education Malaysia to introduce a registration programme for Sekolah Agama Negeri (SAN) and Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), and have set up religious stream classes or Kelas Aliran Agama (KAA) in the national secondary schools. Muslim society believe that Islamic Education have the ability to develop the child holistically along intellectual, spiritual, emotional, and physical dimensions. However, to date, every school is required to report the number of students involved in disciplinary cases in which these cases range from minor issues like tardiness, to serious ones like criminal activities. Therefore, this paper is a conceptual study which aimed to investigate the destination of Islamic Education in the Malaysian education system. The study reviews literatures on the history of Islamic Education in the Malaysian education system and its direction within 2013-2025. The data collected in the study were analyzed using thematic approach. The results show that the direction of Islamic Education in the Malaysian education system was to develop a generation who uphold strong Islamic values and beliefs, even though they were in a multicultural society. To reach the direction of Islamic Education, teachers and parents need to play a key role as educators at school and home

**Keywords:** *Islamic Education, The Destination Of Islamic Education, Malaysia Education System, Religious School, Multicultural Society*

## PENGENALAN

Kehidupan dan ketamadunan manusia bergantung kepada pendidikan (Ahmad 2012). Setiap perkara yang berlaku dalam kehidupan manusia mempunyai perkaitan dengan pendidikan. Masalah utama yang ingin diambil kira dalam kajian ini ialah masalah manusia yang berilmu tetapi tidak berakhlak. Dalam abad ke-21M ini, manusia bukan sahaja meneruskan agenda pendidikan moden yang bersifat liberal dan sekular, tetapi mengakomodasikan pendidikan dengan Revolusi Industri 4.0. Sistem pendidikan moden hari ini terutamanya pendidikan yang beracukan Barat adalah satu sistem yang mengutamakan pembangunan material negara. Implikasinya generasi yang lahir daripada pendidikan moden hanya menjadi manusia yang mementingkan kemampuan berfikir hingga meminggirkan nilai akhlak, moral, rohani dan cara hidup Islam (al-Faruqi 1982; Mohd. Kamal 1988; Mohd Nasir 2005; Zainab 2015).

Dengan adanya pendidikan moden beracukan Barat, ia memudahkan manusia untuk menerima perubahan yang dibawa oleh Revolusi Industri 4.0. Revolusi Industri 4.0 adalah kesinambungan daripada perkembangan tiga gerak kuasa sebelumnya iaitu Revolusi Industri 1.0, Revolusi Industri 2.0 dan Revolusi Industri 3.0. Revolusi

Industri 1.0 yang berlaku pada abad ke-18M, bermula dengan penciptaan mesin wap untuk memproses pengeluaran barang bagi menggantikan tenaga manusia dan hewan. Revolusi Industri 2.0 yang berlaku dalam awal abad ke-20M, bermula dengan penciptaan tenaga elektrik dan pengangkutan seperti kereta, keretapi dan kapal terbang. Revolusi Industri 3.0 pula yang berlaku dalam akhir abad ke-20M, bermula dengan penciptaan komputer dan robot yang mampu berfikir secara automatik. Manakala Revolusi Industri 4.0 yang berlaku dalam awal abad ke-21M, bermula dengan penciptaan teknologi automatik yang digabungkan dengan teknologi siber.

Revolusi Industri 4.0 ini merupakan suatu gerak kuasa yang sedang menjadi trend dunia masa kini yang mampu bukan sahaja bertukar data, malah merangkumi sistem siber-fizik, *internet of things*, *cloud computing* dan *cognitive computing*. Trend ini telah banyak mengubah bidang kehidupan manusia sama ada dari segi ekonomi, pekerjaan dan gaya hidup. Revolusi Industri 4.0 ini bukan sahaja mampu menghubungkan teknologi pintar dengan pelbagai bidang kehidupan manusia, malah ia mencabar manusia untuk mengoptimalkan fungsi otak. Kemunculan Revolusi Industri 4.0 jelas menunjukkan implikasi daripada sistem pendidikan moden yang menjadikan manusia hari ini lebih mementingkan teknologi baharu berbanding manusia sendiri. Akibatnya manusia itu sendiri sudah menjadi tidak lagi relevan atau tidak bernilai lagi (Ahmad 2012; Zainab 2015).

Untuk mengembalikan manusia kepada fitrah dan tanggungjawabnya sebagai khalifah Allah SWT, manusia memerlukan Pendidikan Islam untuk mendidik manusia kepada cara hidup yang berfokuskan aqidah, ibadah dan akhlak Islam. Penguatan aqidah dan kekuatan orang Islam tidak boleh diwarisi melalui keturunan, doa orang lain atau syafaat daripada ulama tertentu (Za'ba 2005). Penguatan aqidah dan kekuatan orang Islam boleh dicapai melalui usaha sendiri, ilmu pengetahuan dan latihan berfikir berasaskan pemerhatian yang jujur terhadap kandungan al-Quran dan Hadith (Za'ba 2005).

Dalam konteks masyarakat Melayu di Malaysia, Pendidikan Islam telah banyak mengubah corak kebudayaan masyarakat Melayu daripada bercorak Hindu, Buddha dan Animisma kepada bercorakkan Islam. Ilmu pendidikan Islam yang diperkenalkan kepada masyarakat Melayu ialah melalui ilmu al-Quran, Fiqah, Usuluddin, Bahasa Arab, al-Hadith, Mantiq, Falsafah dan Tasawwuf (Tariqat) (Naquib al-Attas 1984). Masyarakat Melayu dididik supaya berfikir dan bertindak mengikut al-Quran dan al-Sunnah serta mengamalkan ijtihad (Nik Abdul Aziz 1977; Zainab 1990; 2015). Antara perubahan yang berlaku dalam masyarakat Melayu apabila mereka menerima Islam ialah adanya perubahan daripada pandangan hidup

alam seni dan mitos serta mengamalkan upacara dan ajaran yang mengagungkan dewa-dewa kepada pandangan hidup rasional dan intelek. Mereka tidak lagi menganggap raja dan bangsawan sebagai jelmaan dewa-dewa yang mempunyai kuasa untuk menentukan nilai hidup mereka sebagai rakyat (Naquib al-Attas 1984; Zainab 1990; 2015).

Keinginan masyarakat Muslim untuk menghantar anak ke sekolah agama semakin meningkat. Pada tahun 2013, terdapat lebih 90,000 pelajar berdaftar di sekolah agama awam yang terdiri daripada Sekolah Agama Kerajaan, Sekolah Agama Negeri dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (Kementerian Pendidikan Malaysia 2013). Jumlah ini adalah kecil iaitu 2 peratus daripada jumlah enrolmen pelajar jika dibanding dengan jumlah enrolmen pelajar di sekolah rendah dan menengah. Kecilnya jumlah ini adalah disebabkan oleh 80 peratus permohonan kemasukan ke sekolah menengah agama awam ditolak akibat kekurangan tempat (Kementerian Pendidikan Malaysia 2013). Permintaan masyarakat Muslim yang semakin meningkat untuk menempatkan anak mereka di sekolah agama telah menyebabkan Kementerian Pendidikan Malaysia memperkenalkan program pendaftaran Sekolah Agama Negeri (SAN) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) serta mewujudkan Kelas Aliran Agama (KAA) di sekolah menengah. Kesemua Sekolah Agama Kerajaan melaksanakan kurikulum kebangsaan, manakala SAN dan SABK melaksanakan kurikulum Dini dan kurikulum kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia 2013).

Peningkatan enrolmen pelajar ke sekolah agama ini menunjukkan masyarakat Muslim menyakini kurikulum Pendidikan Islam berupaya membentuk generasi berilmu dan berakhlak mulia. Umumnya, masyarakat mula merasa bimbang dengan perubahan dunia yang berada dalam arus globalisasi yang dikuasai oleh gerak kuasa teknologi dunia baharu dan Revolusi Industri 4.0 yang memartabatkan *internet of things* dan *internet for things*. Implikasinya generasi hari ini perlu bersedia untuk berhadapan dengan pelbagai cabaran akan datang termasuk gaya hidup pluralism, liberalism dan persaingan ekonomi global. Cabaran ini menjadikan pelajar bertingkah laku bebas membuat pilihan hidup hingga akhirnya menjerumuskan mereka ke dalam aktiviti salah laku dan jenayah seperti bunuh, rogol, samun, merusuh, mencuri, menyalah gunakan dadah, minum minuman keras, samseng, seks bebas, buli dan judi (Rosidah 2017; Wee Kah Siong 2011).

Apabila berlaku kes salah laku dan jenayah dalam kalangan pelajar, masyarakat Muslim khususnya melihat Pendidikan Islam sebagai alat yang berupaya membentuk akhlak pelajar. Ini kerana Pendidikan Islam mengandungi kurikulum yang mengutamakan kesedaran keTuhanan,

penghayatan ilmu tentang ibadah dan kesedaran *ihsan* dalam diri pelajar seperti yang tercatat dalam Falsafah Pendidikan Islam:

*“Suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah SWT yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat (Kementerian Pendidikan Malaysia 1998).*

Namun, statistik Polis Di Raja Malaysia 2011 menunjukkan 1,836 kes jenayah dan 3,383 orang pelajar ditahan pada tahun 2006. Jumlah ini meningkat sebanyak 382 menjadi 2,218 kes jenayah dan 3,725 orang pelajar ditahan pada tahun 2007 (Rosidah 2017). Pada tahun 2016, seramai 111,895 pelajar terlibat dengan masalah disiplin, 95,046 daripadanya adalah pelajar sekolah menengah dan 16,849 adalah pelajar sekolah rendah (Nurul Mahani 2019). Pada tahun 2011, enrolmen pelajar ke sekolah awam telah mencapai hampir sejagat iaitu sekolah rendah (94%), sekolah menengah rendah (87%) dan sekolah menengah atas (78%) (Kementerian Pendidikan Malaysia 2013).

Enrolmen ini jika digabungkan dengan sekolah swasta adalah lebih tinggi iaitu 96 peratus di sekolah rendah, 91 peratus di sekolah menengah rendah dan 82 peratus di sekolah menengah atas (Kementerian Pendidikan Malaysia 2013). Pada tahun 2013, sistem pendidikan Malaysia telah berjaya mencapai kadar literasi yang menyeluruh (99%) dari segi kemahiran membaca, menulis dan mengira (Kementerian Pendidikan Malaysia 2013). Pencapaian literasi ini adalah suatu kejayaan yang menjadi aspirasi sistem pendidikan Malaysia khusus untuk melahirkan generasi yang boleh membaca, menulis dan mengira serta mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran hidup apabila meninggalkan alam persekolahan (Zainab 2019). Namun, fenomena yang perlu diberi perhatian ialah mengapa penglibatan pelajar dalam kes salah laku dan jenayah masih berlaku, sedangkan hampir 100 peratus pelajar boleh membaca, menulis dan mengira. Apakah mereka kurang mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran hidup hingga ada di antara mereka yang dikategorikan sebagai sekolah “*hot spot*” (Nurul Mahani 2019), atau mereka mempunyai pengetahuan tentang Pendidikan Islam tetapi tidak mempunyai kesedaran tentang keTuhanan, ibadah dan akhlak? Timbul persoalan di sini, apakah hala tuju Pendidikan Islam bagi melahirkan generasi berilmu, berkemahiran dan berakhlak? Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk

menilai Pendidikan Islam sebagai alat menyeimbangkan ilmu dan akhlak pelajar, serta meneroka dan menetapkan hala tuju Pendidikan Islam dalam sistem pendidikan Malaysia.

### SENARIO PENDIDIKAN ISLAM SEBAGAI ALAT MENYEIMBANGKAN ILMU DAN AKHLAK PELAJAR

Pada asasnya, kajian ini bertujuan untuk menilai Pendidikan Islam sebagai alat untuk menyeimbangkan ilmu dan akhlak pelajar serta meneroka dan menetapkan hala tuju Pendidikan Islam dalam sistem pendidikan Malaysia. Kajian ini melakukan tinjauan literatur untuk mengumpul data berkaitan perkembangan dan tujuan Pendidikan Islam dalam sistem pendidikan. Oleh itu, perbincangan kedua-dua objektif ini adalah berasaskan maklumat tinjauan literatur. Data yang dikumpul, dianalisis menggunakan pendekatan tematik. Pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah mempunyai beberapa kelemahan. Memandangkan adanya beberapa kelemahan dalam pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Islam ini di sekolah, kajian ini dilakukan untuk meneroka dan menetapkan hala tuju Pendidikan Islam dalam sistem pendidikan Malaysia agar Pendidikan Islam dapat mencapai matlamat sebagai alat untuk menyeimbangkan ilmu dan akhlak pelajar.

Pendidikan Islam adalah alat untuk menyeimbangkan ilmu dan akhlak pelajar. Bagi menyeimbangkan ilmu dan akhlak pelajar, Akta Pelajaran 1961 telah memasukkan Pendidikan Islam sebagai mata pelajaran yang perlu diikuti oleh pelajar Muslim dan Pendidikan moral sebagai mata pelajaran yang perlu diikuti oleh pelajar non-Muslim. Pada tahun 1983, Pendidikan Islam diperkemas lagi melalui Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) dengan memperkenalkan Penilaian Asas Fardhu Ain (PAFA) yang menekankan perkara-perkara asas fardhu ain. Kemudian, pada tahun 1988, Pendidikan Islam diperkemas lagi dengan memperkenalkan mata pelajaran efektif seperti pendidikan al-Quran, al-Sunnah, Syariah Islamiah, Tasawwur Islam, Bahasa Arab Komunikasi dan bahasa Arab Tinggi dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR), Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan program Jawi, Quran, Arab, Fardhu Ain (J-Qaf) pada tahun 2005 (Zainab 1990; Zainab 2019).

Mulai tahun 2007 Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) (Mohd Zamri 2018; Zainab 2019). Bagi menyeimbangkan ilmu dan akhlak pelajar, BPI telah melaksanakan Program Bina Upaya Guru Pendidikan Islam (PBU GPI) pada tahun 2013 hingga kini bagi menggantikan program Kursus Khas Guru Pendidikan Islam (KKGPI)

yang telah dilaksanakan pada tahun 2001 hingga 2009. Tujuannya adalah untuk memperkasakan guru Pendidikan Islam sebagai *mudarris*, *mu'allim*, *murabbi* dan *murshid* dalam membentuk akhlak dan sahsiah pelajar. Terdapat tujuh aktiviti yang menjadi fokus PBU GPI iaitu (1) Multaqa Nasional Guru Pendidikan Islam, (2) Multaqa Guru Pendidikan Islam Peringkat Zon, (3) Daurah Mursyid Peringkat Kebangsaan, (4) Daurah Mursyid Peringkat Negeri, (5) Halaqah Taqarrub Mursyid Peringkat Negeri, (6) Halaqah Tafaquh Fiddin Peringkat Daerah dan (7) Halaqah Tafaquh Fiddin Peringkat Sekolah (Zainab 2019). Pendidikan Islam adalah antara mata pelajaran penting dalam sistem pendidikan, bertujuan melahirkan generasi yang mempunyai pandangan hidup sebagai hamba Allah SWT, bertanggungjawab kepada diri, masyarakat, alam sekitar dan negara bagi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Kelemahan dalam pelaksanaan Pendidikan Islam di sekolah dapat dianalisis melalui (1) matlamat Pendidikan Islam, (2) proses pembelajaran Pendidikan Islam, (3) aplikasi Pendidikan Islam, dan (4) kesan Pendidikan Islam.

### **Matlamat Pendidikan Islam**

Pendidikan Islam ialah satu proses latihan perasaan (*sensibility*) dalam semua perkara sama ada mengenai sikap, tindakan, keputusan dan pendekatan untuk hidup melalui ilmu Islam (Syed Sajjad & Syed Ali 1979). Proses latihan perasaan ini adalah suatu proses yang berterusan melalui latihan moral, akal dan fizikal (Khurshid Ahmad 1962). Ia mendidik manusia seutuhnya dari segi akal, hati, rohani, jasmani, akhlak dan keterampilan (al-Qardawi 1980). Ia mendidik rohani manusia selaku hamba Allah SWT di dunia ini bagi memancarkan kejernihan akhlak yang tinggi (Zakaria, Noranizah & Abdul Fatah 2012). Fungsinya adalah untuk melahirkan manusia yang berpengetahuan dan mempunyai kesejajaran dengan dasar kehidupan Islam (Mohd. Kamal 1981), mendidik akhlak dan jiwa manusia (al-Abrashi 1969) dan menjadi medium utama dalam pembangunan ketamadunan manusia (Zakaria et al. 2012). Umumnya, matlamat Pendidikan Islam adalah untuk membina potensi manusia sebagai khalifah Allah SWT dengan nilai aqidah, syariah dan akhlak Islamiah.

### **Proses Pembelajaran Pendidikan Islam**

Pada asasnya, kandungan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi mata pelajaran Pendidikan Islam dibahagikan kepada tujuh bidang utama iaitu (1) al-Quran, (2) Hadis, (3) Akidah, (4) Ibadah, (5) Sirah, (6)



Adab dan (7) Jawi (Kementerian Pendidikan Malaysia t.th.). Manakala kandungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi mata pelajaran Pendidikan Islam dibahagikan kepada empat bidang utama iaitu (1) pendidikan al-Quran dan al-Sunnah, (2) pendidikan Syariah Islamiah, (3) tasawwur Islam dan (4) bahasa Arab (Kementerian Pendidikan Malaysia 2016). Bagi pelajar sekolah menengah agama pula, mereka diperkenalkan dengan Kurikulum Dini yang terdiri daripada lima bidang iaitu (1) Usul al-Din, (2) al-Syariah, (3) al-Lughah al-<sup>o</sup>Arabiah al-Mu<sup>o</sup>asirah, (4) Manahij al-<sup>o</sup>Ulum al-Islamiah dan (5) al-Adab wa al-Balaghah (Kementerian Pendidikan Malaysia 2016).

Namun, proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam yang berlaku adalah lebih bersifat memberi pengetahuan tentang hukum atau fiqh, cara melakukan ibadah dan bersifat ritual. Pelajar diajar dan dibimbing mengenai ibadah solat, puasa, zikir dan bacaan al-Quran (Zainab 2015), tetapi pelajar tidak diajar dan dibimbing untuk mengurus dan membangun potensi diri melalui ilmu yang diperoleh melalui Pendidikan Islam. Gejala proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam yang lebih bersifat ritual ini juga berlaku di Indonesia dan di seluruh dunia (Imam Suprayogo 2014; Naquib al-Attas 1979; Naquib al-Attas 1980). Pendidikan Islam dilihat sebagai ajaran agama sahaja, sedangkan Pendidikan Islam adalah sumber peradaban yang luas (Nahlawi 1965; Naquib al-Attas 1979; Naquib al-Attas 1980; Abdul Rahman & Zakaria 1987; Imam Suprayogo 2014; Zainab 2015). Paradigma seperti ini menjadikan Pendidikan Islam dianggap sebagai ajaran agama untuk ibadah ritual sahaja seperti zikir, solat, puasa dan haji. Gejala ini menjadikan pelajar menganggap mata pelajaran Pendidikan Islam adalah mata pelajaran peperiksaan, bukan mata pelajaran yang berupaya memanusiaikan manusia (Ahmad 2012).

### **Aplikasi Pendidikan Islam**

Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam yang dipraktikkan di sekolah rendah dan menengah dibahagikan kepada dua kaedah iaitu kaedah teori dan kaedah amali (Kementerian Pendidikan Malaysia 2016). Melalui dua kaedah ini, pelajar diharapkan bukan sahaja mengetahui, tetapi dapat memahami dan menghayati mata pelajaran Pendidikan Islam. Pelajar diperkenalkan dengan Pendidikan Islam melalui proses penyampaian ilmu pengetahuan secara teori dan dibimbing untuk mempraktikkan ilmu pengetahuan Pendidikan Islam melalui amali ibadah. Bagaimanapun, aplikasi Pendidikan Islam ini bersifat ritual dan ia memberi pengaruh terhadap cara pelajar berfikir. Sebagai contoh, apabila pelajar berhadapan dengan sesuatu masalah tentang agama, mereka mencari Islam dari sudut

pandangan fiqh, tauhid dan akhlak seperti yang dipelajari hari-hari. Mereka tidak mencari Islam sebagai satu ilmu untuk mengurus kehidupan mereka atau *a way of life* (Naquib al-Attas 1984; Zainab 1990 & 2015; Imam Suprayogo 2014). Padahal, jika dilihat pada isi kandungan al-Quran dan Hadis, pendidikan Islam bukan ajaran yang memberi bimbingan tentang kegiatan ritual, tetapi ialah ajaran yang bersifat universal, *al-din* atau *a way of life*.

Satu kajian terhadap 1,783 orang pelajar Tingkatan 2 hingga Tingkatan 5 dalam 36 buah Sekolah Menengah Kebangsaan di bandar dan luar bandar Semenanjung Malaysia telah dilakukan pada tahun 1996 untuk menganalisis penyertaan pelajar dan guru dalam kegiatan ko-kurikulum agama di Sekolah Menengah Kebangsaan (Abdul Shukur, Abdullah, Iran, Zainab, Mohd Napiah & Abd. Wahab 1996). Didapati majoriti pelajar mempunyai ilmu tentang Rukun Islam (97%) dan Rukun Iman (96%) secara tepat. Bagaimanapun, hanya 43 peratus daripada mereka mengetahui bacaan al-Fatihah wajib dibaca selepas takbiratul ihram (43%). Kurangnya pengetahuan mereka tentang bacaan al-Fatihah dalam solat adalah disebabkan 85 peratus daripada mereka mengaku selalu, jarang-jarang dan kadang-kadang meninggalkan solat. Kajian ini menunjukkan jumlah mereka yang mendirikan solat hanya 15 peratus. Daripada 330 orang guru yang dikaji, kajian ini menunjukkan jumlah guru yang terlibat dalam persatuan akademik agama adalah kecil iaitu 84 orang (25.4%). Walaupun kajian ini agak lama, namun gejala pelajar meninggalkan solat dan tidak memahami apa yang dipelajari tentang Pendidikan Islam masih berlaku hingga ke hari ini (Anis Qurratu Aini 2013; Norhalimatun Saadiah 2011; Nurul Mahani 2019; Zalmiza 2004). Kesemua kajian ini menunjukkan tahap reaksi pelajar, pengetahuan dan pengalaman pelajar serta perubahan tingkah laku pelajar yang mengikuti mata pelajaran Pendidikan Islam.

### **Kesan Pendidikan Islam**

Objektif utama Pendidikan Islam adalah untuk membentuk akhlak manusia (al-Abrashi 1969) dan membangun insan yang bertaqwa kepada Allah SWT dengan memberi penekanan terhadap aspek penghayatan ilmu pengetahuan dan kemahiran (Ab. Halim, Muhammad Faiz & Kamarul Azmi 2012; Abd al-Qadir Ahmad 1980; Hasan 1979). Manusia yang mempunyai pengetahuan Pendidikan Islam diandaikan dapat memanifestasikan ilmu akidah, ibadah dan akhlak Islamiah dalam ilmu sosial yang merangkumi ilmu ekonomi, undang-undang, politik kenegaraan dan antarabangsa, etika kebudayaan, ilmu-ilmu *natural sciences* dan teknologi yang berasaskan dasar hidup Islam (Mohd. Kamal

1981). Pendidikan Islam ialah ilmu yang menjadi petunjuk kepada manusia untuk membersihkan jiwa daripada akhlak yang tercela (Badawi t.th.; Ibn Khaldun 1960) dan untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat (al-Abrashi 1969; Badawi t.th.; Munir Mursa 1977; Nahlawi 1965; al-Shaibani 1975).

Secara khusus, aspirasi pelaksanaan Pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah adalah untuk membina empat kepatuhan dalam diri pelajar iaitu (1) kepatuhan terhadap Allah, (2) kepatuhan terhadap diri sendiri, (3) kepatuhan terhadap keluarga dan (4) kepatuhan terhadap masyarakat (Kementerian Pendidikan Malaysia 2016). Umumnya dapat dikatakan bahawa Pendidikan Islam berupaya menghasilkan generasi Muslim yang bertaqwa dan mengabdikan diri kepada Allah SWT. Dalam hal ini, Guru Pendidikan Islam (GPI) adalah satu kelompok yang sangat penting dalam sistem pendidikan Malaysia. Namun begitu, tidak semua GPI dapat berfungsi sebagai pembimbing dan *role model* kepada pelajar (Zaharah 2005), yang akibatnya terdapat ramai dalam kalangan pelajar Muslim yang terlibat dalam kes salah laku disiplin, moral dan jenayah (Rosidah 2017; Rosidah, Zainab & Salasiah 2016).


Tahap hasil pelajar setelah mengikuti mata pelajaran Pendidikan Islam juga masih di tahap lemah. Satu kajian telah dilakukan ke atas guru novis. Kajian tersebut bertujuan untuk menganalisis aplikasi dakwah guru novis Pendidikan Islam dalam meningkatkan kecerdasan rohani murid (Rosidah 2017). Hasil kajian Rosidah (2017) menunjukkan terdapat dua faktor yang menyumbang kepada kelemahan pelajar untuk menguasai ilmu Pendidikan Islam iaitu (1) sikap pelajar dan (2) sikap guru. Sikap pelajar ialah (1) sikap kurang mementingkan Pendidikan Islam dan gagal untuk hadir ke sekolah hingga tertinggal untuk mengikuti mata pelajaran Pendidikan Islam dan (2) sikap lebih mementingkan subjek untuk menjawab peperiksaan, tidak tahu membaca Jawi dan tidak minat untuk membaca buku teks dalam tulisan Jawi. Manakala sikap guru pula ialah (1) sikap terlalu bergantung dengan sukatan pelajaran, (2) sikap hanya menyampaikan sukatan pelajaran yang telah ditetapkan tanpa melihat kepada kurikulum yang tersembunyi (*hidden curriculum*) dan (3) sikap terlalu mengejar untuk menghabiskan sukatan pelajaran.

#### MENEROKA DAN MENETAPKAN HALA TUJU PENDIDIKAN ISLAM DALAM SISTEM PENDIDIKAN MALAYSIA

Pada tahun 2013, Kementerian Pendidikan Malaysia telah merangka 11 anjakan dalam *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)* sebagai strategi transformasi pendidikan negara. Anjakan tersebut ialah:

1. Menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa.
2. Memastikan setiap murid menguasai kemahiran dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dan digalakkan mempelajari bahasa tambahan.
3. Melahirkan rakyat yang menghayati nilai.
4. Mentransformasi profesion keguruan menjadi profesion pilihan.
5. Memastikan kepimpinan berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah.
6. Mengupaya JPN, PPD dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berasaskan keperluan.
7. Memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia.
8. Mentransformasi kebolehan dan keupayaan penyampaian Kementerian.
9. Bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas.
10. Memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit.
11. Meningkatkan ketelusan untuk kebertanggungjawaban awam secara langsung.

Daripada anjakan pendidikan ini, kajian ini mendapati anjakan ‘melahirkan rakyat yang menghayati nilai’ adalah hala tuju Pendidikan Islam dalam sistem pendidikan Malaysia. Untuk mencapai anjakan ketiga ini, hala tuju Pendidikan Islam perlu menetapkan sekurang-kurangnya dua cadangan, iaitu (1) pemerksaan kemahiran memimpin dan nilai murni sejagat, serta (2) pemerksaan kemahiran silang budaya (Rajah 1). Pelajar perlu dididik agar memperkasakan kemahiran memimpin dan nilai murni sejagat serta kemahiran silang budaya semasa mereka melalui proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah.



Rajah 1 Cadangan hala tuju Pendidikan Islam

### **Pemeriksaan Kemahiran Memimpin dan Nilai Murni Sejagat**

Kemahiran memimpin dan nilai murni sejagat ialah seperti integriti, belas kasihan, adil dan altruism. Kemahiran ini sangat penting khususnya dalam konteks isu keharmonian antara kaum. Melalui kemahiran ini, pelajar dididik agar dapat membuat keputusan yang beretika, dapat menyesuaikan diri dengan perubahan dan berupaya menjadi pemimpin dan penunjuk jalan sesuai dengan firman Allah SWT yang bermaksud “ Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam” (al-Quran, al-Anbiya’ 21: 107). Implikasi daripada perkembangan teknologi dunia baharu, pelajar kini berhadapan dengan tiga gerak kuasa iaitu (1) gerak kuasa Revolusi Industri 4.0, (2) gerak kuasa *multiculturalism* dan *social justice* dan (3) gerak persaingan ekonomi global (Zainab 2015; Zainab & Wan Ibrahim 2018).

Perubahan ini menjadikan pelajar terdedah kepada pelbagai maklumat termasuk isu agama, sosial dan politik melalui aplikasi *online* atau internet dengan segera tanpa tapisan. Isu-isu dibuka untuk perbincangan secara alam maya tanpa pemantauan GPI yang berperanan sebagai Muallim, Mudarris, Murabbi, Muaddib dan Mursyid, menjadikan pelajar berhadapan dengan isu keharmonian antara kaum. Bagi mendepani cabaran ini (Musa Ahmad 2018) dan menggalakkan keharmonian antara kaum, sistem pendidikan Malaysia perlu merangka strategi bagaimana untuk menerapkan kemahiran memimpin dan nilai murni sejagat sebagai hala tuju Pendidikan Islam agar mereka berkemahiran untuk memimpin dan mengendalikan persoalan yang mereka hadapi serta berintegriti, adil dan mempunyai sifat altruism.

### **Pemeriksaan Kemahiran Silang Budaya**

Kemahiran silang budaya ialah kemahiran kepelbagaian budaya. Kemahiran ini penting dijadikan hala tuju Pendidikan Islam khususnya dalam konteks untuk membimbing pelajar berhadapan dengan perubahan sosial seperti meningkatnya penduduk tua, wanita yang melewati usia perkahwinan, ibu bapa tunggal, orientasi seks, *internet for things* dan *internet of things*. Melalui kemahiran ini, pelajar boleh dididik dengan kesedaran keTuhanan, kesedaran ibadah dan kesedaran akhlak Islamiah (Rosidah 2017) yang diterapkan dalam hal-hal berkaitan kebajikan, buli, curi, peras ugut, disiplin dan etika (Ismail 2018).

Melalui kemahiran ini juga, pelajar dididik dengan sikap kepunyaan bersama dalam masyarakat dan dididik agar dapat membesar menjadi suatu generasi yang mampu menghormati hak orang lain (Ismail 2018). Untuk melaksanakan kemahiran silang budaya sebagai hala tuju

Pendidikan Islam dalam sistem pendidikan Malaysia, semua pihak yang terlibat dengan sistem Pendidikan Islam perlu menilai semula konsep dan nilai-nilai keagamaan (*al-Din*) dalam konteks gunaan atau terapan dan aplikasinya secara pragmatik, konkrit, berkesan dan menjadi inspirasi dalam semua bidang kehidupan (Ismail 2018). Ini bererti keseluruhan konsep *World View Islam* atau *al-tasawwur al-islami* dan sarwajajat Islam perlu dilihat dalam satu komponen dengan mengenal pasti amalan dan realiti kehidupan semasa umat Islam agar dapat dijanakan sebagai salah satu bentuk pemikiran kognitif aras tinggi (Ismail 2018).

## KESIMPULAN

Makalah ini merupakan kajian konsep yang bertujuan untuk mengkaji hala tuju Pendidikan Islam dalam sistem pendidikan Malaysia. Kajian ini meninjau literatur berkaitan sejarah Pendidikan Islam dalam sistem pendidikan Malaysia dan hala tujunya dalam tempoh 2013-2025. Data yang diperoleh dalam kajian ini dianalisis menggunakan pendekatan tematik. Hasil kajian menunjukkan hala tuju Pendidikan Islam dalam sistem pendidikan Malaysia adalah untuk membangunkan generasi yang berpegang kuat nilai-nilai dan kepercayaan agama walaupun mereka berada dalam masyarakat pelbagai budaya. Kajian menunjukkan terdapat hala tuju Pendidikan Islam dalam sistem pendidikan Malaysia adalah suatu agenda yang berterusan bermula dengan Akta Pelajaran 1961 hingga kini. Gejala gerak kuasa Revolusi Industri 4.0, gerak kuasa *multiculturalism*, gerak kuasa *social justice* dan persaingan ekonomi global perlu dilihat sebagai suatu cabaran yang perlu dihadapi secara proaktif. Bagi berhadapan dengan cabaran perubahan dunia, kemahiran memimpin dan nilai murni sejagat serta kemahiran silang budaya perlu dijadikan *platform* hala tuju Pendidikan Islam dalam sistem pendidikan Malaysia. Semua pihak yang terlibat dengan pelaksanaan Pendidikan Islam perlu menyelidik dan merancang suatu kaedah mengajar agama Islam yang dapat memperkasakan kemahiran memimpin dan nilai murni sejagat serta kemahiran silang budaya sebagai hala tuju Pendidikan Islam dalam sistem pendidikan Malaysia.

## PENGHARGAAN

Terima kasih diucapkan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah menyediakan Dana Pembangunan Penyelidikan - Kumpulan Penyelidikan Pemerkasaan Penerbitan dan Penyelidikan (DPP-2014-FPI) dan Kumpulan Penyelidikan Dakwah, Kerohanian dan Pembangunan Islam (PP-010-2007).

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Muhammad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. 2012. *Komponen asas untuk latihan GPI. Jurnal al-Thaqafah*, 2 (2), 53-63.
- Abd al-Qadir Ahmad, Muhammad. 1980. *Turuq ta'lim al-tarbiyyat al-Islamiyyat*. Cetakan Pertama. Qahirat: Maktabat al-Nahdat al-Misriyat.
- Abdul Rahman Aroff & Zakaria Kasa. 1987. *Falsafah dan konsep pendidikan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- al-Abrashi, Muhammad Athiyyah. 1969. *al-Tarbiyyat al-Islamiyyat wa falasafatuha*. t.tp.: 'Isa al-Babi al-Halabi wa Shirkahu.
- Ahmad Mohamad Said. 2012. Memanusiakan pendidikan, memanusiakan kehidupan. *Jurnal Pendidikan Islam*, 15 (Jun-Dis), 5-19.
- Alliger, G. M., & Janak, E. A. 1989. Kirkpatrick's levels of training criteria: Thirty years later. *Personnel Psychology*, 42: 331-342.
- Anis Qurratu 'Aini Jamaluddin. 2013. Pendekatan Pendidikan Islam dalam membanteras gejala ponteng sekolah pelajar Melayu di Putrajaya. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Badawi Tabanat. t.th. *Ihya' 'ulum al-din li al-Imam al-Ghazali*. Jilid 1. Qahirat: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyat 'Isa al-Babi al-Halabi wa Shirkahu.
- al-Faruqi, Isma'il Raji. 1982. *Islamization of knowledge: General-principles and workplan*. t.tp.: International Institute of Islamic Thoughts.
- Ibn Khaldun, 'Abd Rahman. 1960. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. (pnys.). Radwan Ibrahim. Qahirat. Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyat.
- Imam Suprayogo. 2014. Pendekatan baru dalam Pendidikan Islam dan membangun kembali paradigma Pendidikan Islam sebagai jawapan terhadap tantangan global. *International Seminar Proceeding Malang, April 13, 2014 - the Development of Islamic Studies in Indonesia and Malaysia*, hlm. 1-4.
- Ismail Ibrahim. 2018. Pendidikan Islam Malaysia baharu. *Utusan Online*, 24 Ogos <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/pendidikan-islam-malaysia-baharu>. [25 Feb 2019].
- Kementerian Pendidikan Malaysia. t.th. Dokumen standard Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam Tahun 6. Bahagian Pembangunan Kurikulum. <https://www.moe.gov.my/menumedia/media-cetak/penerbitan/dskp-kssr/1265-dskp-kssr-pendidikan-islam-tahin-6/file>. [5 November 2019].

- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1988. *Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah Pendidikan Islam*. Selangor: Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khurshid Ahmad. 1962. *Principles of Islamic Education*. Lahore: Islamic Publications Ltd.
- Mohd. Kamal Hassan. 1981. Konsep Pendidikan Islam. Dlm. *Pendidikan koleksi dakwah*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Mohd. Kamal Hassan. 1988. Pendidikan Islam di sekolah: Praktikal dan ideal. Dlm. Zambry Abd. Kadir (pnyt.). *Pendidikan dan Pembangunan: Satu Perspektif Bersepadu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Mohd. Nasir Omar. 2005. *Akhlak dan kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Munir Mursa, Muhammad. 1977. *al-Tarbiyyat al-Islamiyyat usuluha wa tatawwaruha fi al-bilad al-<sup>c</sup>Arabiyyat*. Qahirat: <sup>c</sup>Alam al-Kutub.
- Nahlawi, 'Abd al-Rahman. 1965. *Usus al-tarbiyyat al-Islamiyyat wa turuq tadrisiha*. Demasyq: Dar al-Nahdat al-<sup>c</sup>Arabiyyat.
- Naquib al-Attas, Syed Muhammad. 1979. *Aims and objectives of Islamic Education*. Jeddah: King Abdul Aziz University.
- Naquib al-Attas, Syed Muhammad. 1980. *The Concept of education in Islam*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).
- Naquib al-Attas, Syed Muhammad. 1984. *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Abdul Aziz Hj. Nik Hassan. 1977. Tariq Shah Waliullah al-Dihlavi di Jajahan Kota Bharu 1934-1950. Tesis Sarjana Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norhalimaton Sa'adiah Ayub. 2011. Stress guru Pendidikan Islam dan hubungannya dengan prestasi pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah Daerah Klang Selangor. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Qardawi, Yusuf. 1980. *Pendidikan Islam dan Madrasah Hassan al-Banna*. Terj. Bustami, H., Gani, A. & Zainal Abidin Ahmad. Jakarta: Bulan Bintang.
- Rosidah Jemain, Zainab Ismail & Salasiah Hanin Hamjah. 2016. Cabaran dakwah dalam kalangan guru novis Pendidikan Islam bagi meningkatkan kecerdasan rohani murid. *Jurnal Pendidikan Islam*, 19 (Jun-Dis): 53-66.



- Rosidah Jemain. 2017. Aplikasi dakwah guru novis Pendidikan Islam dalam meningkatkan kecerdasan rohani murid. Tesis Dr. Falsafah. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Shaibani, Umar Muhammad al-Tumi. 1975. *Falsafat al-tarbiyyat al-Islamiyyat*. Turabulus: al-Shirkat al-<sup>o</sup>Ammat li al-Nashri wa al-Tawzi<sup>o</sup> wa al-<sup>o</sup>ilan.
- Syed Sajjad Hussain & Syed Ali Ashraf. 1979. *Crisis in Muslim education*. Jeddah: Holder and Stoughton.
- Zaharah Hussin. 2005. *Mendidik generasi berakhlak mulia: Fokus peranan Guru Pendidikan Islam*. <https://www.researchgate.net/publication/242202737>. [25 Februari 2019].
- Zainab Ismail. 1990. *Sejarah sistem pendidikan Islam di Malaysia: Suatu analisa menurut perspektif Islam*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainab Ismail. 2015. Pemeraksanaan paradigma Pengajian Islam dalam arus globalisasi. *Prosiding Kolokium Antarabangsa Jejak Warisan Ilmu Islam (JEWARIS 2015) Malaysia-Brunei*, hlm. 336-344.
- Zainab Ismail. 2019. Dakwah dan metodologi kontemporari dalam pendidikan. Ucaptama Bicara Dakwah, *Prosiding Seminar Nasional Dakwah dan Syiar Islam (SENADA)*, hlm. 190-196.
- Zainab Ismail & Wan Ibrahim Wan Ahmad. 2018. Konsep *rahmah li al-<sup>o</sup>alamin* dan aplikasinya dalam kaunseling pelbagai budaya. Dlm. Zulkefli Aini, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani & Zainab Ismail (pnyt.). *Rahmah li al-<sup>o</sup>alamain – Dakwah dalam masyarakat majmuk di Malaysia*. hlm. 119-130. Bangi: Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf & Abdul Fatah Shaharudin. 2012. Pendidikan menurut al-Quran dan Sunnah serta peranannya dalam memperkasakan tamadun ummah. *Jurnal Hadhari Special Edition*: 7-22.
- Zalmiza Zakariya. 2004. Penerimaan dan penghayatan pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam di Sekolah-Sekolah Menengah Alor Setar, Kedah. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Prof. Dr. Zainab Ismail  
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam, UKM  
zainab@ukm.edu.my

Prof. Madya Dr. Wan Ibrahim Wan Ahmad  
UUM College of Art and Sciences

Prof. Madya Dr. Salasiah Hanin Hamjah  
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam, UKM

Dr. Rosmawati Mohamad Rasit  
Pensyarah Kanan  
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam, UKM

Dr. Hasanah Abd. Khafidz  
Pensyarah Kanan  
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam, UKM

Dr. Muhamad Faisal Ashaari  
Pensyarah Kanan  
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam, UKM